



**AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM**  
**PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN MENUKAR WANG 2018**

Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) sukacita menjemput orang ramai yang berminat untuk memohon **lesen perniagaan menukar wang bagi Daerah Brunei-Muara, Belait atau Temburong** untuk menghadapkan permohonan kepada AMBD. Pemohon mestilah memenuhi keperluan-keperluan minima bagi permohonan lesen menukar wang yang antarlainnya adalah seperti berikut:-

- a) Pemohon mestilah terdiri daripada warganegara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
- b) Pemohon mestilah berusia 18 tahun ke atas;
- c) Pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 4 Kredit GCE 'O' Level termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik, dan mempunyai pengalaman pekerjaan atau perniagaan tidak kurang dari 1 tahun;
- d) Pemohon mestilah menunjukkan perwatakan yang baik mengikut kehendak AMBD;
- e) Pemohon hendaklah mempunyai keupayaan untuk menyediakan modal perniagaan yang mencukupi bagi mengendalikan perniagaan menukar wang; dan
- f) Pemohon hendaklah tidak diisytiharkan muflis atau masih dalam perbicaraan kemuflian di mahkamah.

Untuk maklumat lanjut mengenai keperluan-keperluan di atas, sila layari laman sesawang AMBD di [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn) dan melalui AMBD App yang boleh dimuat turun melalui 'AppStore' dan 'Google Playstore'.

Borang permohonan boleh diperolehi dari **Jabatan Regulatori dan Penyeliaan, AMBD, Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam** semasa waktu pejabat atau dimuat turun melalui laman sesawang AMBD.

Setiap pemohon hendaklah menghadapkan borang permohonan yang lengkap bersama dokumen-dokumen yang diperlukan serta bayaran yuran secara tunai berjumlah **BND200.00 (tidak akan dikembalikan walau apa jua hasil keputusan permohonan)** di alamat seperti di atas.

Tarikh tutup bagi menghadapkan borang permohonan yang lengkap hendaklah tidak lewat daripada **hari Rabu, 6 Jun 2018 pada jam 2:00 petang**.

Hanya pemohon yang layak akan dimaklumkan dan dikehendaki untuk menduduki ujian bertulis.

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 2382253 atau emel [infomcr@ambd.gov.bn](mailto:infomcr@ambd.gov.bn).